



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
ISTANA KEHAKIMAN
PUTRAJAYA**

KENYATAAN MEDIA

**PEMAKAIAN GARIS PANDUAN PENGHUKUMAN MENGGUNAKAN
TEKNOLOGI KECERDASAN BUATAN (*ARTIFICIAL INTELLIGENCE*) DI
MAHKAMAH RENDAH DI SEMENANJUNG MALAYSIA**

Sejajar dengan kerancangan teknologi Revolusi Perindustrian 4.0, Badan Kehakiman Malaysia telah mengambil inisiatif dengan membangunkan suatu Garis Panduan Penghukuman Menggunakan Teknologi Kecerdasan Buatan (*Artificial Intelligence*) bagi kegunaan dalaman Hakim Mahkamah Sesyen dan Majistret di Semenanjung.

Garis Panduan Penghukuman Menggunakan Teknologi *Artificial Intelligence* dihasratkan hanya sebagai suatu panduan dan rujukan pantas Hakim Mahkamah Sesyen atau Majistret apabila membuat keputusan mengenai sesuatu hukuman bagi sesuatu kes.

Pelaksanaan Sistem AI dibuat menerusi tiga (3) fasa;

- i) Fasa pertama bermula pada Julai 2021 dan akan melibatkan dua puluh (20) kesalahan lazim di Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret iaitu lapan (8) kesalahan di bawah Kanun Keseksaan [*Akta 574*] (seksyen 323, 323/326A, 375/376, 379, 379A, 380, 420 dan 457), lapan (8) kesalahan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*] (seksyen 26, 39, 56, 57, 63, 79, 90 dan 114) dan empat (4) kesalahan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 [*Akta 234*] (seksyen 15(1)(a), 12(3), 39A(1) dan 39A(2)).
- ii) Pelaksanaan fasa kedua akan bermula pada Ogos 2021 hingga Disember 2021 dan akan melibatkan tiga puluh (30) kesalahan daripada pelbagai peruntukan undang-undang.

- iii) Manakala pelaksanaan pada fasa terakhir yang akan bermula dari Januari 2022 hingga April 2022 akan melibatkan lain-lain kesalahan yang direkodkan dalam Sistem e-Kehakiman.

Sistem AI akan dilaksanakan secara rintis di Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret Kuala Lumpur dan Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret Shah Alam, Selangor pada 23 Julai 2021. Untuk makluman, Garis Panduan Penghukuman bagi kegunaan Mahkamah Majistret dan Mahkamah Sesyen di Negeri Sabah dan Sarawak telah dibangunkan dan diguna pakai bermula pada Februari tahun 2020.

Badan Kehakiman Malaysia sentiasa komited dalam memastikan penyampaian dan perkhidmatan kehakiman yang terbaik untuk semua pihak tanpa meminggirkan prinsip kebebasan kehakiman. Justeru, adalah diharap agar inisiatif ini dapat meningkatkan kualiti sesuatu penghakiman dan memperkasakan Badan Kehakiman Malaysia secara keseluruhannya.

Sekian, terima kasih.

Pejabat Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya

Tarikh: 22 Julai 2021